

# Sambutan Hangat Konsert Koir UMS 2015

**Oleh Lee Chye Heong**

Kota Kinabalu, 30 April – Konsert Koir anjuran pelajar Seni Muzik Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya mendapat sambutan hangat daripada orang umum.

Konsert Koir telah diadakan di Dewan Resital UMS bermula pada jam 8 malam dan berakhir pada 10 malam. Persembahan koir yang turut disertai oleh pelajar UMS, *Papar Middle School Choir*, *Sunshine Choir*, *In Unity Chorale* dan *The Saints* sangat mengagumkan dan mendapat tepukan gemuruh yang daripada penonton yang hadir pada malam itu.

Masashi Kishimoto yang berasal dari Jepun yang kini merupakan pensyarah konduktor koir dan vokal klasik di UITM Shah Alam, dan Chi Hoe Mak, pensyarah muzik UCSI dijemput menjadi pensyarah Bengkel Koir Peringkat Negeri Sabah 2015 dan tetamu konsert koir tahun ini.

Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Profesor Dato' Haji Mohd. Hamdan Haji Adnan memuji pelaksanaan Konsert Koir Sabah ini.

"Konsert koir ini merupakan aktiviti yang bagus kerana ia menyediakan platform kepada semua pelajar UMS. Ini adalah digalakkan untuk memanfaatkan semua orang dan boleh dilestarikannya untuk meningkatkan lagi bakat yang banyak di UMS," katanya dalam majlis perasmian konsert koir pada malam tersebut.

Pengarah Konsert Koir, Cheristabella James, 23, pelajar Tahun 3 dari program Seni Muzik berkata konsert koir ini adalah dijalankan bersama Bengkel Koir Peringkat Negeri Sabah dan tahun ini merupakan tahun keempat bengkel ini dianjurkan oleh pelajar Seni Muzik.

"Tujuannya adalah untuk mewujudkan integrasi di antara pelajar muzik dan pemuzik-pemuzik lain di negeri Sabah, selain meningkatkan mutu persembahan dan keyakinan diri dalam persembahan koir serta kemahiran dan pengetahuan pemuzik dalam pengurusan koir," tambah Cheristabella.

Beliau memberi harapan kepada juniornya supaya dapat menjalankan program ini dengan lebih baik dan mengagumkan pada masa depan.



Salah satu persembahan koir yang diiringi oleh pensyarah Seni Muzik UMS, Adson Matthew Mitty Gabu.